KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PUP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

**23 MAC 2021 (SELASA)**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 23 MAC 2021 (SELASA)

Harian Metro

HARI : SELASA
TARIKH : 23/3/2021
M/SURAT : 25

# Jaringan luas produk Malaysia

*Kerajaan sedia bekerjasama dengan peruncit Jepun Don Don Donki promosi barangan buatan kita*

Oleh Farah Adilla
farah.adilla@nst.com.my

**Kuala Lumpur**

Kerajaan bersedia bekerjasama dengan peruncit Jepun, Don Don Donki yang memiliki jaringan antarabangsa yang luas untuk mempromosikan produk buatan Malaysia di peringkat antarabangsa khususnya di Jepun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang dianjurkan Jepun tahun ini akan menjadi peluang yang baik untuk mempromosikan dan mempamerkan produk buatan Malaysia yang berkualiti terutama produk halal.

"Saya harap kerjasama antara Don Don Donki dan kementerian dapat dilaksanakan tidak lama lagi," katanya

> *Saya harap kerjasama antara Don Don Donki dan kementerian dapat dilaksanakan tidak lama lagi"*
>
> **Alexander Nanta Linggi**

dalam ucapan sempena pelancaran Jonetz by Don Don Donki di sini.

Don Don Donki, rangkaian kedai harga patut Jepun adalah jenama yang tidak asing lagi bagi rantau Asia Pasifik.

Cawangan pertama di Malaysia mula beroperasi sejak 19 Mac lalu.

Ia memiliki lebih 160 lokasi di Jepun dan Singapura, Hong Kong, Hawaii, Thailand, Taiwan dan Malaysia.

Cawangan di Malaysia meliputi kedai tiga tingkat seluas 23,476 meter persegi di Bukit Bintang.



ALEXANDER (tiga dari kiri) pada majlis pembukaan rasmi Jonetz by Don Don Donki.

Alexander berkata, cawangan berkenaan adalah tanda keyakinan berterusan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia pada masa yang mencabar ini terutama di sektor runcit.

Katanya, seperti negara maju lain, sektor runcit dengan cepat menjadi satu daripada penyumbang utama keluaran dalam negara kasar (KDNK).

"Pada 2019, Malaysia menerima pelaburan asing bernilai RM60.46 bilion dalam sektor perdagangan pengedaran terutama dari runcit. Jumlah pelaburan asing ini mewujudkan 392,634 peluang pekerjaan baharu bagi rakyat Malaysia.

"Pada tahun lalu, walaupun terdapat pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penjualan runcit menyumbang RM511 bilion kepada KDNK nasional," katanya.

Pan Pacific International Holdings Corp (PPIH), syarikat induk Don Don Donki mengembangkan perniagaannya ke rantau Asia Pasifik dengan memperkenalkan konsep kedai khusus, menjual barang buatan Jepun atau barangan untuk pasaran Jepun.

BH BeritaHarian

HARI : SELASA

TARIKH : 23/3/2021

M/SURAT : 26

Penularan COVID-19

# Sektor peruncitan catat pematuhan SOP 98 peratus

## KPDNHEP sudah periksa 417,492 premis sejak 13 Mei tahun lalu

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sektor peruncitan dan pengedaran mencatat pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sebanyak 98 peratus, dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata jumlah yang direkodkan sejak 13 Mei tahun lalu itu, berdasarkan 417,492 pemeriksaan premis dijalankan pegawai penguat kuasa kementerian itu.

Antara yang diperiksa ialah pasar raya, restoran, kilang, pasar awam serta pasar tani.

"Saya boleh katakan penguatkuasaan yang kita laksanakan itu berjaya. Hanya sedikit premis perniagaan yang tidak mematuhi SOP, iaitu kurang 10,000 kes.

"Ini hasil kerjasama yang baik secara berpasukan di kementerian ini. Kita faham objektif kita dan saya serta timbalan saya (Datuk Rosol Wahid), sering turun padang untuk bertemu dengan golongan sasar kita secara bersemuka," katanya pada sidang media sempena Satu Tahun Malaysia Prihatin secara dalam talian.

Alexander berkata, daripada pemeriksaan yang dijalankan setakat 9 Mac lalu, sebanyak 169 premis dikenakan kompaun, 589 diberikan amaran dan 7,746 premis diberikan nasihat.

Katanya, 37 SOP ditetapkan bagi sektor peruncitan dan pengedaran supaya dapat beroperasi dalam tempoh PKP, PKP Bersyarat (PKPB), PKP Diperketat (PKPD) dan PKP Pemulihan (PKPP), namun pada masa mengambil langkah mencegah penularan COVID-19.

Beliau berkata, pengalaman menangani pembelian panik ketika PKP membolehkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) lebih bersedia menangani isu barang keperluan dan kepenggunaan dengan lebih berkesan.

Alexander berkata, kekurangan bekalan pelitup muka dan roti pada awal pelaksanaan PKP Mac tahun lalu menjadikan kementeriannya perlu bertindak segera menyiasat punca serta merangka strategi bagi mencari penyelesaian.

Menjelang musim perayaan tidak lama lagi, katanya, kementerian itu bersedia mengatasi kemungkinan masalah kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga barang melalui pemantauan serta menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan," katanya.

"Tugas kementerian bukan sahaja untuk melindungi pengguna, tetapi juga menjaga kepentingan komuniti peniaga.

"Kita mengamalkan dasar mesra kepada semua komuniti peniaga, menghargai dan memahami kepentingan pemain industri dalam mengekalkan sektor ekonomi yang bertenaga serta aktif.

"Kita sering mengadakan libat urus bersama mereka kerana kita mahu memahami masalah yang dihadapi dan seterusnya mencari penyelesaian kepada setiap masalah, bukan hanya menekan mereka dengan dasar serta peraturan semata-mata," katanya.

Mengenai kebenaran yang diberikan kepada kedai emas untuk beroperasi ketika PKP 2.0 pada Januari lalu, Alexander berkata, pihaknya melihat kepentingan transaksi di kedai itu dan jumlah pekerja yang akan terjejas.

"Jika lihat pada emas itu sendiri, ia bukan barang keperluan. Bagaimanapun, kita perlu lihat kedai besar yang mempunyai ramai pekerja, manakala kedai kecil pula dimiliki keluarga dan itu mata pencarian mereka serta pekerja," katanya.



*Ini hasil kerjasama yang baik secara berpasukan di kementerian ini. Kita faham objektif kita dan saya serta timbalan saya (Datuk Rosol Wahid), sering turun padang untuk bertemu dengan golongan sasar kita secara bersemuka.*

***Alexander Nanta Linggi,*** *Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

Harian Metro

HARI : SELASA

TARIKH : 23/3/2021

M/SURAT : 10

# Peruncitan, pengedaran patuh SOP 98 peratus

**Kuala Lumpur:** Pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi sektor peruncitan dan pengedaran negara mencapai 98 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, jumlah itu direkodkan sejak 13 Mei 2020 berdasarkan 417,492 pemeriksaan premis yang dijalankan pegawai penguat kuasa kementeriannya.

Antara yang diperiksa adalah pasar raya, restoran, kilang, pasar awam dan pasar tani.

"Saya boleh katakan penguatkuasaan yang kita laksanakan itu berjaya. Hanya sedikit sahaja premis perniagaan yang tidak mematuhi SOP iaitu kurang 10,000 kes.

"Ini hasil kerjasama baik secara berpasukan di kementerian ini. Kita faham objektif kita dan saya serta timbalan saya (Datuk Rosol Wahid) sering turun padang untuk bertemu dengan golongan sasar kita secara bersemuka," katanya.

NEW STRAITS TIMES

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | SELASA |
| TARIKH | : | 23/3/2021 |
| M/SURAT | : | 1 |



NEW STRAITS TIMES
ESTABLISHED 1845
PP413/09/2012 (030687) | MARCH 23, 2021 | TUESDAY | RM2.00

PIC BY AZHAR RAMLI

# COMPLIANCE SUCCESS

THE retail and distribution trade sectors recorded a 98 per cent SOP compliance rate throughout the MCO. The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry says the number of compounds issued is 'very low' thanks to commitment and effective enforcement.

REPORT BY **HANA NAZ HARUN** ON **PAGE 8**

NEW STRAITS TIMES

HARI : SELASA
TARIKH : 23/3/2021
M/SURAT : 8

# 'Comply with SOP until large portion of population vaccinated'

**KUALA LUMPUR:** Health experts advised the public to continue adhering to the standard operating procedures (SOP), especially wearing face masks and observing physical distancing, until a substantial portion of the population has been vaccinated against Covid-19.

The advice came following the release of interim public health recommendations by the United States' Centers for Disease Control and Prevention (CDC) stating that vaccinated people could gather indoors with other vaccinated people or with some unvaccinated people of the same household.

Malaysian Public Health Physicians Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said it was better for people to continue to adhere to the SOP as a precautionary measure.

"Right now, vaccination will not really protect people against infections or the virus.

"So Malaysians should continue to observe physical distancing and mask-wearing practices even if they get fully vaccinated until the country achieves good vaccination coverage and low community transmission.

"Hopefully, we can achieve both and, subsequently, get the country out of the pandemic by next year or 2023."

Epidemiology and biostatistics expert Associate Professor Dr Malina Osman from Universiti Putra Malaysia also advised people to continue complying with the SOP.

"People who have been fully vaccinated against Covid-19, where they've got both doses (for vaccines that require two shots), two to three weeks after the second shot, they can create an immunity bubble or get together among themselves.

"However, in our setting and to avoid confusion, I prefer that the guidelines (from the CDC) are implemented only after a substantial proportion, at least 30 to 40 per cent, of our population has been fully vaccinated."

Taking into consideration the current situation and the progress of the National Covid-19 Immunisation Programme, Dr Malina said it was imperative that all parties continue to observe the SOP for the country to win the battle against the pandemic.

"We have to reach a situation where the majority of the population have been vaccinated before we can declare it safe for us to no longer practise physical distancing and mask-wearing."

She said based on scientific findings, a person would be fully protected from Covid-19 two to three weeks after receiving the second shot of most vaccines that were available.

"It depends on the type of vaccine as some vaccines need only one shot instead of two."

She said people should look forward to participating in the NIP.

"In terms of prevention against Covid-19, immunisation is the best option as it offers immunity and is not affected by changes in behavioural patterns."

During a virtual engagement with the media last month, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah cautioned people against forming the expectation that they could go back to the old norms overnight as more people get vaccinated worldwide.

He said the World Health Organisation had the biggest say on whether people around the world could go back to normalcy.

He said until the world health body issued a new guideline, it was important for everyone to wear face masks and follow the current protocols.

TheStar

HARI : SELASA
TARIKH : 23/3/2021
M/SURAT : 8

# High level of SOP adherence

## Thumbs up for retail and wholesale sectors, says ministry

By JOSEPH KAOS Jr
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** It is a thumbs up for sellers as traders in the retail and wholesale sectors have largely been cooperative when it comes to following Covid-19 standard operating procedures, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

"My ministry covers the wholesale and retail sectors. You will see that there are not many clusters originating from these sectors, unlike the manufacturing or construction sectors," said its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Since the implementation of the movement control order last year, enforcement officers have conducted over 400,000 checks at premises such as supermarkets and eateries.

"Out of that figure, there were less than 10,000 cases of traders breaching the SOP.

"That means the level of compliance is 98%," said Nanta during a virtual session with the media yesterday in conjunction with the end of his first year helming the ministry.

The ministry uses an advocacy-based approach to enforce SOP compliance among traders.

"When our officers conduct checks at business premises and find the SOP being breached, we will advise the traders first.

"But compounds will be issued to repeat offenders. The total number of compounds issued has been very low," said Nanta.



**Good news:** Nanta says the level of Covid-19 SOP compliance among traders is 98%.

Based on figures provided by the ministry, only 169 premises were issued compounds as of March 9.

About 589 traders were issued warnings while 7,746 were given advice.

The level of compliance among retailers, said Nanta, could be seen from the low number of infection clusters within the sector.

A total of 37 protocols have been established for retailers and wholesalers to comply with, and these are meant to curb the transmission of Covid-19 among workers and consumers.

Nanta said the ministry was brought in to act against panic buying during the implementation of MCO 1.0 on March 18 last year.

"The panic-buying situation in the country came from misleading statements among the people.

"The reality was that there was adequate food and essentials in the market throughout the pandemic.

"If some supermarkets ran out of a certain item, that was only temporary," he said.

He added that the shortage of face masks and hand sanitisers at the start of the pandemic was eventually resolved after the government adjusted the ceiling prices to boost supply in the country.

Moving forward post-pandemic, Nanta said the ministry was looking to help the business community recover from the economic setback.

"Our job is not only to protect consumers but also the interests of the business community.

"We adopt a friendly policy to all businesses and understand the importance of maintaining a vibrant economic sector.

"We also have agencies under the ministry such as the Companies Commission of Malaysia, Malaysia Competition Commission and Intellectual Property Corporation Malaysia to help provide a conducive business environment that is free from monopoly or 'cartel activities'," he said.

Nanta, who is Gabungan Parti Sarawak (GPS) secretary-general, said the Perikatan Nasional government was in steady hands with Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin in charge.

"When the Perikatan government took over, it was immediately tasked to handle the Covid-19 pandemic, and I would say the Prime Minister has been successful in his first year.

"There have been countless meetings and engagements at all levels within the government. All our decisions have been thoroughly deliberated.

"We implemented what we believe was best for the people and of course, there is no pleasing everyone.

"But whatever the people are not happy with, we take it as feedback and we continue to try to deliver what is best for the people," Nanta said.

NEW STRAITS TIMES

HARI : SELASA

TARIKH : 23/3/2021

M/SURAT : 16

# 'DON'T PANIC OVER EGG CONTAMINATION ISSUE'

» PAGE 16

NEW STRAITS TIMES

HARI : SELASA

TARIKH : 23/3/2021

M/SURAT : 16

RECALLS BY SINGAPORE

# NO NEED TO FRET OVER EGG SUPPLY

## Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry monitoring situation to ensure adequate supply

NURADZIMMAH DAIM
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

PEOPLE have been advised to remain calm over the recent egg contamination issue.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry yesterday said it was working with other agencies to monitor the local eggs' supply.

This came following the decision by Singaporean authorities to recall eggs from two Malaysian farms due to the presence of Salmonella enteritidis.

The ministry's enforcement director, Azman Adam, said the ministry was working with the Agriculture and Food Industries Ministry, Veterinary Services Department and Health Ministry to conduct immediate checks nationwide to ensure there was no shortage of supply following the recall of eggs by retailers.

"Checks were also carried out to see if there was panic buying of brands by other producers.

"It was found that supply of eggs was enough to cover current consumer demand."

He urged people to submit complaints through the ministry's call centre at 1-800-886-800, email to e-aduan@kpdnhep.gov.my, through the Ez ADU KPDNHEP app or via the enforcement command centre by calling 03-8882 6088/6245 or contacting 019-279 4317 on WhatsApp.

He said the ministry would seek cooperation from the industry if there was a recall of eggs sold in the domestic market to ensure there would be no shortage in supply.

Malaysians consume an average of 900 million eggs per month, compared with the 1.02 billion eggs produced locally every month, he said.

The Veterinary Services Department launched an investigation into Lay Hong Bhd's CES008 farm and Linggi Agriculture's CEM014 farm following the recall order by the Singapore Food Agency due to possible Salmonella enteritidis contamination.



*A diner cracking a soft-boiled egg into a plate at an eatery in Kajang yesterday.* PIC BY AZHAR RAMLI

HARI : SELASA
TARIKH : 23/3/2021
M/SURAT : 16



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM5.99 | Telur Gred A | RM7.99 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM12.70 |
| Daging Lembu Tempatan | RM35 | Ikan Kembung | RM6.50 | Bawang Besar Holland | RM2.69 | Kubis Tempatan | RM3.80 |
| Daging Lembu Import | RM28 | Minyak Masak | RM5.30 | Bawang Putih | RM4.80 | Tepung Gandung | RM2.15 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP